



NOOR DINA menunjukkan produk coklat keluaran syarikatnya yang mendapat pengiktirafan halal oleh Jakim.

KOSMO 4/106/2010 MIS A3

Pengiktirafan halal jayakan perniagaan

Oleh SUHANA MD. YUSOP
suhana.yusop@kosmo.com.my

SIJIL dan logo halal bukan sahaja dilihat daripada sudut keagamaan tetapi ia juga adalah satu komponen penting dalam dunia perniagaan kerana mampu menjana keuntungan bagi satu-satu produk.

Ini bukan omongan kosong tetapi telah terbukti. Sijil halal, misalnya, berjaya melonjakkan permintaan perniagaan coklat buatan tempatan sehingga 70 peratus seperti yang dihasilkan oleh syarikat Dazzle Food Sdn. Bhd.

Kejayaan itu ada kaitan dengan sijil dan logo halal sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Sijil halal daripada Jakim memang banyak memberi kesan kepada perniagaan saya apabila permintaan terhadap produk yang dikeluarkan meningkat sehingga 70 peratus dan ia semakin dikenali ramai.

"Selain itu, produk saya mula mendapat tempat di hati pelanggan-pelanggan asing yang lebih mempercayai sijil halal daripada Jakim," kata Pengurus Besar syarikat Dazzle Food, Noor Dina

“
Satu yang sangat penting, ialah dengan adanya sijil halal Jakim ini, keyakinan pengguna sangat tinggi terhadap sesuatu produk - Noor Dina

Mohd. Tajudin, 29.

Kata beliau, perniagaan coklat yang diusahakan sejak tahun 2005 itu terlebih dahulu mendapat pengesahan halal daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Bukan itu sahaja, coklat Dazzle kini bukan hanya boleh didapati di kedai-kedai, malah turut dijual di lapangan terbang negara ini. Bilangan peniaga dan permintaan untuk menjadi ejen menjual produknya turut meningkat.

Perubahan mendadak dalam perniagaan dapat dilihat selepas pengiktirafan halal diterima Dazzle daripada Jakim pada tahun 2009 yang disifatkan sebagai bonus kepada dirinya.

"Satu yang sangat penting, ialah dengan adanya sijil halal Jakim ini, keyakinan pengguna sangat tinggi terhadap sesuatu produk dan seterusnya membawa implikasi besar kepada industri atau pengusahanya," kata Noor Dina.

Beliau menjelaskan, perniagaannya yang bermodalkan wang simpanan berjumlah RM50,000 bermula dengan menyewa sebuah rumah kedai dan kini beliau mempunyai kilang sendiri di Batu 11, Hulu Langat.

Dazzle turut mengeluarkan

coklat perasa buah-buahan seperti durian, roselle, oren, strawberi dan mint yang berharga di antara RM1 dan RM50.

Berkat perakuan halal itu, Dazzle memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah Industri Koko 2008 Kategori Industri Kecil dan Sederhana (IKS) - Usahawan Coklat serta Anugerah Petani dan Usahawan Koko Jaya 2008.

Berpegang kepada visi untuk menjadi antara pengeluar coklat terbesar Malaysia, Dazzle bakal melebarkan sayap perniagaannya ke Singapura dan Indonesia tidak lama lagi.

"Perbincangan dengan beberapa peniaga sedang berjalan dan diharap perancangan ini menemui jalan kejayaan," jelas Noor Dina yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Usahawan, Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Dengan perniagaan Dazzle yang semakin berkembang maju, Noor Dina bukan sahaja berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan peniaga lain malah berbangga dengan pengiktirafan halal yang diterima daripada Jakim. Maklumat lanjut sila layari www.dazzlechoc.com.my.